

28/06/1998

Mahasiswa bebas suara pendapat

KUALA LUMPUR: Pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini bebas menyuarakan pendapat dan mengetengahkan pelbagai perkara untuk perhatian kerajaan, kata Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, kerajaan tidak pernah menyekat kehendak pelajar mengeluarkan pandangan, tetapi golongan itu perlu menggunakan saluran yang ditetapkan dalam keadaan tertib.

"Saluran rasmi sudah ada, apa yang perlu dilakukan ialah menggunakannya dengan betul, dan kita akan kaji," katanya selepas menutup Seminar Kepimpinan Mahasiswa IPT Awam 1998 di Universiti Teknologi Malaysia di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pelajar sebagai pemimpin generasi muda, bijak membandingkan antara baik dan buruk, agar tidak terpengaruh dengan hasutan pihak tertentu.

Dr Mahathir turut meminta pelajar supaya tidak tertarik dengan reformasi yang dilaungkan di Indonesia, terutama tindakan pelajar republik itu menjatuhkan pemerintahan mereka.

Mengulas perkara itu, Najib berkata, keadaan di IPT negara ini terkawal dan tidak menunjukkan tanda-tanda memberontak seperti yang berlaku di Indonesia.

Kementerian juga mendapati penuntut IPT tempatan masih tenang, biarpun negara mengalami kegawatan ekonomi.

"Saya lihat kalangan pelajar kita tidak ada keinginan untuk melakukan apa yang berlaku di Indonesia kerana mereka rata-rata melihat dasar dan sistem kita ini cukup baik," katanya.

Ditanya sama ada kementerian mengenal pasti unsur negatif di kalangan pelajar tempatan, Najib berkata: "Belum lagi. Tetapi tugas ini kita serahkan kepada pihak tertentu... kita ada agensi yang meneliti perkembangan termasuk pengaruh luar.

(END)